



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

UNTUK

**PERHIMPUNAN BULANAN KPWK M BIL. 2/2020 DAN PELANCARAN
PENJANA KPWK**

**DEWAN PERDANA NUR, KPWK, PUTRAJAYA
25 JUN 2020 / KETIBAAN YBM: 10.00 PAGI**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Bahagia

dan Salam Sejahtera

SALUTASI

1. YB Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

2. YBhg. Dato' Junaidah binti Kamarruddin

Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

3. Ketua-ketua Jabatan, Pengurusan tertinggi dan Pegawai-pegawai Kanan Kementerian

4. Rakan-rakan media,

5. Tuan-tuan dan puan-puan hadirin (sama ada atas talian atau secara fizikal) yang dihormati dan dikasihi sekalian.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, kita diberi ruang dan peluang untuk bersama pada pagi ini.
2. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kehadiran semua ke perhimpunan pagi ini, ia merupakan perhimpunan pertama saya dan Timbalan Menteri dengan warga KPWKM. Bagi saya, perhimpunan ini cukup bermakna kerana setelah 8 hari mengambil alih sebagai Menteri pada 10 Mac 2020, Kerajaan telah mengumumkan Perintah

Kawalan Pergerakan (PKP) pertama pada 18 Mac 2020. Hari ini, 25 Jun 2020, merupakan hari ke 108 saya dan Timbalan menerajui tampok kepimpinan KPWKM dan kita juga telah masuk fasa pemulihan PKPP yang akan berakhir pada 31 Ogos 2020 nanti.

3. Jadi, tempoh 108 hari ini sesuai untuk kita melihat balik pencapaian Kementerian dalam menangani cabaran wabak Covid-19, menghargai barisan hadapan Kementerian kita yang telah banyak berkorban masa, tenaga, mental dan emosi sepanjang tempoh ini. Apa yang paling penting adalah menyusun semula langkah untuk perjuangan kita seterusnya demi untuk menjamin kesejahteraan kumpulan sasar KPWKM supaya mereka turut dapat menyumbang dalam pembangunan negara.

INISIATIF DALAM 100 HARI YB MENTERI

Hadirin dan hadirat sekalian

4. Apabila Kerajaan mengumumkan PKP pada 18 Mac 2020, maka ramai rakyat yang telah terkesan terutamanya dari segi ekonomi dan sosial. Pelaksanaan PKP bermaksud terputusnya hubungan secara fizikal bagi ahli keluarga yang duduk berjauhan dan ada pula yang tiada ruang untuk bernafas kerana tidak dapat keluar dari rumah. Kedua-dua keadaan itu telah memberi tekanan kepada rakyat terutamanya kepada kumpulan sasar kita.

5. Selain itu, ia juga telah memberi tekanan kepada yang terputus mata pencarian terutamanya yang bekerja sendiri dan berpendapatan harian. Sehubungan itu, pihak kementerian telah menerima banyak maklumbalas dan aduan daripada masyarakat yang terjejas akibat penguatkuasaan PKP tersebut. Hotline KPWKM, Talian Kasih yang kebiasaannya menerima panggilan sekitar 145 sehari telah mencecah rekod paling tinggi dengan 3,308 panggilan dalam satu hari pada 16 April 2020.
6. Bagi meleraikan tekanan yang dihadapi oleh rakyat terutamanya kumpulan sasar KPWKM, Kementerian melalui agensi-agensi di bawahnya telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membantu mereka melalui waktu yang sukar ini. Antaranya, KPWKM telah

mengambil langkah tambahan untuk menjaga mereka yang sedia di bawah jagaan institusi. Selain itu, pakej-pakej khas bakul makan dan tunai juga ditawarkan kepada yang rentan (vulnerable) bagi menjamin kelangsungan hidup dan akhirnya pelbagai bentuk program sokongan kepada petugas di bawah KPWKM, NGO dan keluarga.

I. Pengoperasian Institusi di bawah KPWKM

7. Semasa wabak Covid 19, tahap kesihatan dan kesejahteraan penghuni di 77 buah institusi yang terdiri daripada 36 buah institusi Kanak-kanak, 18 buah institusi warga emas dan 10 buah institusi OKU, 5 buah institusi Orang Papa dan 8 buah institusi mangsa pemerdagangan orang sentiasa diutamakan. Kementerian telah mengambil langkah-langkah pencegahan penularan wabak COVID-19.

8. Kementerian juga turut bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menjalankan ujian pengesanan jangkitan COVID-19 ke atas semua warga emas di 17 buah Institusi

Warga Emas bawah JKM bagi melindungi golongan berisiko tinggi seperti warga emas yang dikesan berdepan risiko kematian tertinggi sekiranya dijangkiti wabak COVID-19 disebabkan faktor umur dan penyakit kronik. Seramai 2,500 orang penghuni warga emas dan 958 orang kakitangan JKM telah terlibat dalam saringan COVID-19.

II. Bantuan Makanan – Kerajaan, NGO dan Sektor Korporat

Agihan Bantuan Bakul Makanan

9. Bagi menjamin kelangsungan hidup kumpulan rentan semasa wabak Covid-19, Kementerian ini telah dipertanggungjawabkan untuk menjaga serta menguruskan hal ehwal kebajikan golongan yang terjejas apabila Pematuhan Kawalan Pergerakan atau PKP dikuatkuasakan. Melalui JKM, Kementerian ini telah bertanggungjawab untuk mengagihkan Bantuan Bakul Makanan yang disediakan di bawah Tabung Bencana COVID-19 dan Kementerian Kewangan Malaysia berjumlah RM47,429,105.44 untuk sepanjang tempoh PKP ini. Bantuan ini juga termasuk di 10 buah kawasan PKP Diperketatkan (PKPD/EMCO) di seluruh

Malaysia. Sebanyak **433,445 bakul makanan** telah diagihkan kepada isi rumah yang terlibat setakat ini

10. Seramai 4,293 orang barisan hadapan JKM telah terlibat dalam operasi ini dengan dibantu oleh petugas Angkatan Tentera Malaysia (ATM), PDRM, Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), dan Angkatan Pertahanan Awam (APM) bagi tujuan pengangkutan dan pengagihan bakul makanan tersebut.

Kerjasama dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)

11. Dalam tempoh PKP, Kerajaan telah memutuskan supaya JKM menyelaraskan semua sumbangan daripada NGO, syarikat korporat dan individu mengikut keperluan. Sehingga 19 Jun 2020, sejumlah **2,820** NGO, syarikat korporat dan individu telah menghulurkan sumbangan melalui JKM **bernilai RM20,703,840**, yang telah memanfaatkan seramai **401,825** orang penerima sumbangan berbentuk makanan kering, makanan bermasak dan makanan basah.

Penubuhan Tabung Prihatin YKN-JKM COVID-19

12. Selain daripada peruntukan Kerajaan, KPWKM juga telah mengambil usaha bagi menggalakkan syarikat korporat dan orang perseorangan untuk menyumbang kepada rakyat Malaysia yang memerlukan bantuan, Kementerian melalui Yayasan Kebajikan Negara (YKN) telah menubuhkan Tabung Prihatin YKN-JKM COVID-19. Sumbangan ini telah digunakan bagi tujuan membantu golongan B40 dan kumpulan sasaran JKM yang kehilangan pendapatan dan terkesan daripada pelaksanaan PKP. Setakat ini, sejumlah **RM517,919.50** telah terkumpul dan daripada jumlah tersebut, sebanyak RM491,500 telah diserahkan kepada **4,915 orang penerima manfaat.**

III. Bantuan Berbentuk Sokongan

Talian Kasih dan Talian Kaunseling COVID-19

13. Bagi menerima aduan-aduan sosial rakyat semasa PKP dan mengurangkan tekanan psikologi, Talian Kasih diteruskan dengan tujuan untuk menerima aduan isu-isu wanita, keluarga dan masyarakat, khususnya menangani kejadian kecemasan berkaitan kebajikan dan kemasyarakatan sepanjang tempoh PKP berkuat kuasa. Talian Kasih bernombor 15999 dan Talian Whatsapp 0192615999 beroperasi 24 jam sehari, tujuh hari seminggu.

14. Melalui Talian Kasih, KPWKM juga telah mewujudkan Talian Khas Kaunseling Covid-19 bagi memberi perkhidmatan kaunseling dan psikologi kepada mereka yang terkesan daripada penularan wabak COVID-19 serta PKP. Talian Khas Kaunseling atau perkhidmatan tele-kaunseling ini melibatkan seramai 528 orang kaunselor di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia dan JKM di seluruh negara. Dalam tempoh dari 18 Mac 2020 hingga 19 Jun 2020, Talian Khas Kaunseling COVID-19 telah menerima sebanyak **2,004 panggilan.**

Pengecualian Bayaran Sewa Taska di Premis Kerajaan

15. Untuk meringankan beban ibu bapa (terutamanya petugas di barisan hadapan), Kementerian telah mengemukakan cadangan pengecualian bayaran sewa taska di premis kerajaan persekutuan yang meringankan beban kos pengurusan dalam kalangan pengusaha taska. YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pengecualian sewaan selama enam bulan untuk semua premis milik Kerajaan Persekutuan termasuk taska dalam Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN pada 27 Mac 2020. Inisiatif ini telah memanfaatkan **131** buah TASKA.

Bantuan Kewangan kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) dan Usahawan Sosial

16. Antara yang terkesan dari pelaksanaan PKP adalah penutupan Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) dan ini memberi kesan kepada sukarelawan yang bertugas dan kumpulan sasar (terutamanya Warga Emas, Orang Kurang Upaya (OKU) dan Kanak-Kanak) yang sedang menjalani pemulihan di PSK. Sejumlah RM5,716,390 geran rangsum telah diberikan kepada **191** buah PSK yang berdaftar dengan JKM dan seramai **10,783 orang** penghuni menerima manfaatnya.

PENGIKTIRAFAN KEPADA PETUGAS BARISAN HADAPAN KPWKM

Hadirin hadirat sekalian

17. Inisiatif-inisiatif oleh YAB Perdana Menteri dan kerajaan yang ada pada hari ini adalah untuk membantu kumpulan sasaran dan rakyat yang dalam kesulitan untuk meneruskan kelangsungan hidup sepanjang tempoh PKP. Namun penyampaian inisiatif tersebut kepada kumpulan sasaran tidak akan berlaku tanpa penat lelah, serta pahit getir petugas barisan hadapan Kementerian kita. Ianya bukanlah suatu kerja yang mudah oleh petugas barisan hadapan Kementerian kita; terutama dalam memastikan tidak ada rakyat yang terpinggir daripada menerima semua inisiatif ini.

18. Petugas barisan hadapan Kementerian berdepan dengan tekanan dari pelbagai sudut untuk melaksanakan tugas tersebut. Seperti kita sedia maklum, pengendalian sewaktu wabak COVID-19 adalah jauh berbeza dengan pengendalian pengurusan bencana. Wabak ini membawa risiko besar kepada mereka yang berada di barisan hadapan.

19. Daya ketahanan dan tahap motivasi petugas barisan hadapan Kementerian yang tinggi di lapangan amat kita kagumi. Sesungguhnya negara amat terhutang budi dengan pengorbanan yang telah ditabur oleh barisan hadapan Kementerian ini.

20. Namun, tugas Kementerian masih belum berakhir. Di fasa PKP Pemulihan (PKPP) ini, kita menggalas tugas untuk merealisasikan usaha murni kerajaan untuk memulihkan kembali negara yang telah lumpuh akibat pelaksanaan PKP sebelum ini.

INISIATIF PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA)

Hadirin hadirat sekalian

21. Kita semua sedia maklum bahawa WABAK COVID-19 telah memberi kesan negatif ke atas ekonomi negara. Antaranya penutupan perniagaan, kehilangan pekerjaan dan penguncupan peluang pekerjaan di semua sektor. Jabatan Perangkaan melaporkan bahawa kadar pengangguran di negara ini melonjak kepada lima peratus iaitu seramai 778,800 orang pada April tahun ini.

22. Kita perlu akui bahawa ekonomi perlu dijana atau dibuka sedikit demi sedikit bermula sekarang dan kedua untuk stimulus atau menjana pemangkin aktiviti ekonomi, perlu ada pemfokusan atau pengkhususan kepada beberapa sektor.

23. Oleh itu, Kerajaan telah mengumumkan Pelan Pemulihan Jangka Pendek atau PENJANA pada 5 Jun 2020 yang lalu. PENJANA merupakan susulan langkah ke hadapan kerajaan yang berfokus, selaras dan teratur. Inisiatif PENJANA telah mengambil kira semua fakta dan pengalaman yang telah dilalui dalam tempoh tiga bulan sepanjang menangani krisis COVID-19 ini.

24. PENJANA mempunyai tiga (3) teras utama:

- a. Memperkasakan Rakyat (Empower People)
- b. Merancakkan Perniagaan (Propel Businesses)
- c. Merangsang Ekonomi (Stimulate the Economy).

Daripada RM35 bilion diperuntukkan melalui PENJANA, RM13.2 bilion atau 38 peratus dimanfaatkan untuk memperkasa rakyat; RM14.8 bilion (42 peratus) bagi melonjak perniagaan dan RM7.1 bilion (20 peratus) untuk merangsang ekonomi.

25. Dalam hal ini, Kementerian terlibat secara langsung dalam dua (2) inisiatif di bawah teras Memperkasa Rakyat dalam PENJANA iaitu
- a. Program Subsidi TASKA (*Child Care Subsidy*)
 - b. Program Bantuan Tunai untuk Kumpulan Rentan (*Social Assistance Support for Vulnerable Groups*).
26. Program **Subsidi TASKA bernilai RM35 juta** bertujuan untuk meringankan beban ibubapa yang bekerja semasa tempoh PKP Pemulihan melalui pemberian subsidi bagi menjimatkan perbelanjaan perkhidmatan penjagaan anak. Subsidi diberi dalam bentuk bantuan kewangan dan pelepasan cukai; serta pemberian geran sehingga RM5000 bagi pengendali taska yang berdaftar dengan JKM.

27. Program Bantuan Tunai secara one-off sebanyak RM300 untuk Kumpulan Rentan pula khusus untuk ibu tunggal, OKU dan sukarelawan Program Khidmat Bantu di Rumah. Program yang bernilai RM103 juta dijangka akan memberi manfaat kepada 190,000 orang OKU yang berdaftar dan 150,000 orang ibu tunggal yang berada di bawah garis kemiskinan.

28. Kedua-dua program di bawah PENJANA memberi isyarat jelas bahawa Kerajaan hari ini di bawah pimpinan YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin tidak pernah mengeneipkan rakyat yang memerlukan dalam proses pemulihan dan pembangunan ekonomi negara. Semoga Allah SWT mengurniakan kesihatan kepada YAB

PM di atas keprihatinan beliau kepada kumpulan sasar di bawah Kementerian dan kita berdoa semoga ekonomi negara kembali pulih dan rakyat yang terkesan dapat bangkit semula demi kesejahteraan mereka, keluarga dan negara. Insya-Allah.

29. Saya amat berharap inisiatif di bawah PENJANA dapat dilaksanakan dengan terbaik dan teliti oleh semua pihak yang bertanggungjawab supaya sasaran yang ditentukan tercapai sepenuhnya. Oleh itu, pemantauan terperinci daripada pelbagai aspek amat kritikal supaya pelaksanaan dan maklumbalas dapat diperoleh bagi menambahbaik program tersebut.

WAY FORWARD

30. Kita semua mempunyai matlamat yang sama, iaitu memastikan perkhidmatan kerajaan disampaikan kepada setiap rakyat terutamanya kepada kumpulan sasar kita secara cekap dan berkesan. Justeru, kita perlu lebih kreatif dan proaktif dalam merangka setiap inisiatif supaya kumpulan sasar kita mendapat manfaat yang lebih banyak dan berterusan.

31. Saya mahu program yang dibuat bukan sahaja bersifat bantuan *one-off* tetapi bersifat program rintis, dipantau dan akhirnya memberi pulangan kepada kumpulan sasar yang terlibat. Sudah

tiba masanya, kumpulan sasar di bawah Kementerian dibantu dan dipandu bagaimana mereka boleh keluar daripada kepompong kemiskinan.

32. Ini lah juga antara objektif utama saya apabila kita mengadakan Majlis Hi-Tea bersama rakan-rakan strategik daripada sektor korporat, syarikat-syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat-syarikat swasta pada 19 Jun lalu. Membentuk masyarakat yang sejahtera melalui perkongsian tanggungjawab yang strategik dan penyampaian perkhidmatan pembangunan sosial yang cekap dan berkesan adalah matlamat utama Kementerian.

33. Kolaborasi dengan syarikat-syarikat korporat, syarikat-syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat-syarikat swasta melalui pendidikan, latihan dan bimbingan yang boleh dikongsi bersama kumpulan sasar dapat mempercepatkan usaha Kementerian meningkatkan kualiti hidup kumpulan sasar dari segi sosioekonomi dan dalam masa yang sama mereka berpeluang untuk berdikari.

34. Saya juga ingin menekankan kepentingan promosi dan sebar luas bagi semua program dan inisiatif yang dijalankan oleh Kementerian dan agensi-agensi di media-media sosial. Sepanjang tempoh PKP, sejujurnya saya katanya, kakitangan JKM merupakan HERO kita.

Tidak ramai yang tahu bagaimana jerih kakitangan JKM bertungkus lumus dalam pemberian bakul makanan kepada rakyat yang memerlukan.

35. Bermula dengan pengumpulan senarai-senarai nama penerima, pengesahan senarai penerima, pembungkusan sehinggalah penyerahan kepada penerima di seluruh pelusuk negara dengan bantuan agensi-agensi lain (APM, RELA, tentera dan sebagainya). Ramai yang tidak tahu kesulitan yang dilalui oleh kakitangan JKM dan ditambah pula dengan kritikan dan cemuhan mereka yang tidak bertanggungjawab sepanjang tempoh ini.

36. Ini lah pentingnya promosi dan hebahan dalam setiap media mainstream dan media sosial Kementerian dan agensi-agensi. Kalau bukan kita sebagai warga Kementerian yang berbangga dan memuji kakitangan kita sendiri, siapa lagi yang akan berbuat demikian. Jumlah keseluruhan warga kementerian dan agensi-agensi hampir 9,000 kakitangan (total pengisian 8,906, perjawatan 8,096). Jika program yang kita buat dan hebahkan di semua media sosial Kementerian serta agensi-agensi, dan di 'LIKE' dan di 'SHARE' oleh keseluruhan kakitangan yang ada, setiap hebahan atau posting akan mendapat 9000 'LIKE' dan jika 'SHARE', 'LIKE' akan bertambah. Jadi setiap program atau inisiatif yang dibuat baru nampak besar dan ramai yang tahu mengenainya.

37. Justeru, saya mahu mulai hari ini, setiap warga Kementerian dan agensi-agensinya perlu 'LIKE' dan 'SHARE' setiap posting yang dibuat di semua media sosial yang ada. Promosi di media sosial juga perlu menggunakan pendekatan kreatif dengan infografik serta video yang menarik dan berkesan. Saya mahukan Kementerian ini yang menjaga seluruh rakyat Malaysia sentiasa dekat di hati rakyat dengan perkara-perkara positif (positive vibes).

PENUTUP

Hadirin hadirat sekalian

38. Sebelum berundur, saya ingin maklumkan bahawa peperangan kita dalam Wabak Covid-19 di Malaysia sudah menampakkan kejayaan yang besar. Alhamdulillah, Malaysia juga telah mendapat pengiktirafan sebagai antara lima negara terbaik di dunia dalam mengawal pandemik koronavirus (Covid-19). Perdana Menteri mengambil keputusan besar dan mencabar dalam memperkenalkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac lalu selain turut melaksanakan kawalan ketat menerusi Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa

kawasan yang bertujuan mengekang penularan wabak dalam komuniti. Kes-kes baharu dalam negara juga sudah jatuh ke *single digit* sahaja.

39. Namun begitu, data WHO merekodkan angka melebihi 180,000 kes dalam satu hari pada 18 dan 21 Jun 2020 berbanding bulan Mei 2020 yang dalam sekitar 100,000 kes sehari. Ini menunjukkan wabak Covid 19 dunia masih jauh dari selesai dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan semua supaya kekal berwaspada dengan jangkitan Covid 19.
40. Amalkan penjarakan sosial dan **3W iaitu *Wash, Wear and Warn*** (Kerap basuh tangan. Pakai face mask dan amaran supaya tidak

berjabat tangan, saringan suhu dan tidak ke tempat kerja bila bergejala) serta elakkan 3C iaitu *Crowed places*, *Confined Spaces* dan *Close Conversation*.

41. Teruskan kecemerlangan dan penambahbaikan sebarang kelemahan yang ada dalam melaksanakan tugas-tugas yang telah diamanahkan, dengan penuh integriti dan dedikasi. Jadikan prinsip amanah, berintegriti dan mengamalkan budaya kerja cemerlang dalam melaksanakan tugas demi negara sebagai satu keutamaan dan amalan terbaik dalam melaksanakan perkhidmatan kepada kumpulan sasaran yang kian mencabar dan semakin kompleks terutamanya dalam tempoh PKPP ini.

42. Semoga setiap niat dan tugas kita menjaga kumpulan sasar ini mendapat keberkatan dan balasan yang baik Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT
25 JUN 2020**